



***Pertandingan Puisi untuk Acara
Getaran AAC
Buku Puisi***

*Puisi-puisi dalam buku ini telah dipersembahkan di Acara Maya ISAAC Vibes of
AAC 2024 Poetry Slam.*

*Karya-karya di dalam buku ini diterbitkan semula dengan izin penuh dan jelas
daripada penulis masing-masing.*

*Tiada bahagian daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula, diedarkan
atau dipindahkan dalam apa jua bentuk tanpa menyertakan teks penuh puisi
serta kredit kepada penulis-penulis.*

.



Pengalaman Saya dengan A.A.C.

Klik, klik, klik suis ku menghidupkan peranti

Tik, tik, tok, dari atas ke bawah, kiri ke kanan, blok merah

Mengimbas, memilih, meluahkan, tiada pernah terhalang,

suaraku, hidupku, pegangan jiwaku!

by Nazareth Anthony Barragan Hernandez



Aku takkan tukar Keluarga Mexico ku walau dengan apa jua

Aku warisi nilai, moral, kekuatan, kebanggaan Anita,
dan tetap teguh pada tradisi lama

Penuh hiburan, sokongan, keseronokan, pengertian, belas kasihan, penerimaan, dan
kasih sayang tanpa syarat.

Inilah yang menjadikan aku, AKU...

Keluarga Mexicoku berkembang tanpa batasan, makin mekar berlipat ganda

by Nazareth Anthony Barragan Hernandez

Tentang Penulis

Nazareth A. Barragan dilahirkan pramatang pada usia enam bulan, pada 22 Julai 1984. Saya menghabiskan beberapa bulan yang penting dalam inkubator di Children's Hospital of Los Angeles selepas berhenti bernafas dan diselamatkan pada hari keempat. Pada usia sembilan bulan, keluarga saya dan saya menerima diagnosis Cerebral Palsy, yang memberi kesan besar terhadap keupayaan motor dan pertuturan saya. Walaupun permulaan hidup saya penuh cabaran, saya berpeluang mendapat pendidikan yang luar biasa dengan sokongan guru-guru yang melihat potensi dalam diri saya. Selama 34 tahun, saya telah menggunakan peranti AAC dan ia telah mengubah hidup saya sebagai pengguna suis yang aktif. Sebagai seorang rakyat Amerika Mexico generasi kedua yang fasih dalam dua bahasa, saya berusaha untuk meruntuhkan halangan komunikasi dan memperkasakan orang lain. Hari ini, sebagai penulis kreatif, pencipta kandungan dan penceramah jemputan, matlamat saya ialah untuk membimbing pengguna AAC muda dan berkongsi kisah hidup saya bagi memberi inspirasi kepada mereka di sekeliling saya

Ombak laut menghempas,
Di malam gelap penuh sepi,
Ia berbisik kisahnya sendiri

by Beth Moulam

Tentang Penulis

Beth mempunyai minat yang mendalam sejak sekian lama untuk memperkasakan pengguna komunikasi augmentatif dan alternatif (AAC) agar mereka dapat mencapai potensi komunikasi mereka sepenuhnya. Beliau ialah seorang Paralimpian yang mewakili Great Britain dalam sukan boccia pada Sukan Paralimpik Tokyo 2020. Pada tahun 2021, beliau menamatkan pengajian dengan ijazah kelas pertama dalam bidang Dasar Sosial, dan kini sedang melanjutkan pengajian MRes dalam bidang dasar sosial dengan tumpuan terhadap penyediaan AAC. Beth ialah seorang Pemegang Amanah bagi Communication Matters (Cawangan UK bagi ISAAC), Penaung kepada 1 Voice - sebuah pertubuhan amal UK untuk pengguna AAC muda dan keluarga mereka - serta ahli kumpulan perkhidmatan khusus AAC di NHS England. Beliau juga merupakan penceramah motivasi, pensyarah di institusi pengajian tinggi, penganjur bengkel, dan mentor kepada pengguna AAC. Pada tahun 2024, Beth telah dianugerahkan Ijazah Kedoktoran Kehormat oleh Manchester Metropolitan University atas sumbangan beliau dalam kerja advokasi. Pada tahun yang sama, Beth turut disenaraikan dalam Disability Power 100 sebagai penerima anugerah utama kategori “Advokat Akar Umbi dan Komuniti” di UK.

Pergi Menemui Sayangku

Terbang kepadamu sekarang
Sesudah berminggu-minggu bersuara di skrin,
Nikmat gembira kini terasa.

Apa Yang Ingin Kulakukan Dengan Tesis

Aku hanya mahu ia selesai.
Beban terangkat dari fikiranku
dan minda bebas terbang tinggi.


Tanpa Tajuk

Aku berdoa setiap hari
memohon petunjuk dan panduan a
gar aku hidup dalam damai

by Lateef McLeod

Tentang Penulis

Lateef McLeod terus membina kerjayanya sebagai penulis dan sarjana. Beliau memperoleh Ijazah Sarjana Muda (BA) dalam Bahasa Inggeris dari UC Berkeley dan Ijazah Sarjana Seni (MFA) dalam Penulisan Kreatif dari Mills College. Beliau juga baru-baru ini menamatkan pengajian peringkat Doktor Falsafah (PhD) dalam bidang Antropologi dan Perubahan Sosial di California Institute of Integral Studies di San Francisco. Beliau telah menjadi ahli ISAAC Lead Committee sejak tahun 2016, pernah memegang jawatan sebagai pengerusi jawatankuasa tersebut dari tahun 2016 hingga 2020, dan kini masih berkhidmat sebagai pengerusi semasa. Dalam kerjayanya, beliau memegang jawatan sebagai Community Research Associate di Oregon Health and Science University dalam University Center for Excellence in Developmental Disabilities.



AAC setiap masa,
 AAC bersama semua,
 AAC adalah Suara kita.
 La CAA c'est tout le temps,
 La CAA c'est avec tout le monde
 La CAA c'est notre Voix

by Deborah Putzeys

Tentang Penulis

Nama saya Deborah, saya berusia 50 tahun dan menetap di Belgium. Saya menghidap cerebral palsy. Saya berkongsi hidup bersama suami saya, Philippe, dan seekor anjing bantuan yang menakjubkan bernama “Ju”. Bersama-sama, Philippe dan saya mengajar tarian berkerusi roda. Saya juga sangat aktif dalam usaha meningkatkan aksesibiliti tempat awam di kawasan komuniti saya. Sebagai naib presiden ISAAC Francophone, saya amat meminati bidang Komunikasi Augmentatif dan Alternatif (AAC) - satu bidang yang amat dekat di hati saya sejak sekian lama. Matlamat saya ialah untuk

memberikan setiap individu peluang untuk meluahkan diri mereka dan menjadi pelakon utama dalam kehidupan sendiri. AAC ialah tentang kewujudan, getaran emosi, dan keberanian untuk bersuara serta didengari!

Aku cinta AAC,
Perubahan radikal dalam hidupku,
Kebebasan untuk bersuara. Ya!

by Jamie Preece

Hari-Hari di Kem

Kem AVA Adalah Rumahku Perjalanan bas ke Tasik Geneva Chris ialah kawan
baruku

Dan Price ialah pengurus kem yang terbaik Kenangan lucu

Perbincangan pada waktu malam yang hebat

Berapa ramai pelajar terapi pertuturan yang telah membantu di kem sepanjang tahun

Saya menghadiri kem selama 13 tahun

John ialah pengarah kem

Kanak-kanak datang dari seluruh Amerika Syarikat Michael E ialah mentor yang
hebat

Ooo itu hanya KC bersama gadis-gadis lagi Bermain bola sepak kerusi berkuasa

Soalan tentang bagaimana Jon dan Sarah menguruskan kem itu sentiasa ditanya

Makanan yang dimakan - ada yang sangat sedap, ada juga yang tidak

Sharon mula membantu di kem pada tahun 2004 Para peserta kem suka waktu
berbual

Profesor universiti sentiasa bertukar

Versi kem ini masih diteruskan hingga hari ini

Di manakah semua kawan yang saya temui di kem dulu, saya tertanya-tanya X-ray
tidak diperlukan, pelik tapi benar


Mungkin kamu juga pernah ke Kem AVA - saya ingin sekali mendengar daripada
kamu

Zzzz... saya selalu tidur nyenyak setiap kali pulang ke rumah

by Mike Hipple

Tentang Penulis

Nama saya Mike Hipple. Saya telah menggunakan AAC selama 25 tahun. Saya tinggal di Appleton, Wisconsin, Amerika Syarikat. Saya merupakan ahli ISAAC/USSAAC. Komuniti sangat penting bagi saya - sebab itulah saya menjadi ahli, dan saya ingin menulis sebuah puisi. Pada masa lapang, saya gemar menonton sukan besbol dan rancangan polis di televisyen. Saya juga suka membaca. Saya ada satu soalan - saya telah menerbitkan sendiri sebuah buku kanak-kanak tentang permulaan bersekolah. Adakah ISAAC berminat untuk menerbitkan buku saya? Mike



Sudip garpu, garpu sudip garpu
Rumahku rumahku. Kek keju. Selimut gebu.
Garpu sudip, sudip garpu. Penyepit

by Ian Ninomiya

Tentang Penulis

Ian Ninomiya ialah seorang lelaki berusia 31 tahun yang menghidap sindrom Down, autisme, mempunyai keupayaan vokal yang sangat terhad, serta kecacatan bahasa yang pelbagai. Beliau telah menggunakan Proloquo2Go selama 16 tahun dan sangat mahir mengendalikan peranti AAC-nya, walaupun beliau tidak berkomunikasi secara tatabahasa penuh. Ian amat gemar menggunakan AAC berteknologi tinggi, namun beliau juga merupakan seorang komunikator multimodal yang menggunakan pelbagai cara lain seperti poster, buku, iklan, isyarat tangan, objek, gerak-geri, ekspresi wajah, dan apa sahaja yang menarik perhatiannya untuk berkomunikasi.

Ia satu getaran. Ia satu gerakan.
Persidangan ISAAC Vibes of AAC bergaya, memang gempak.
Ramai pengguna AAC hebat yang menyerlah
by Patrick Regan

Tentang Penulis

Patrick Regan ialah seorang pengguna AAC berpengalaman yang menetap di Alaska. Beliau merupakan Presiden-Elekt USSAAC dan ahli Jawatankuasa LEAD ISAAC. Patrick juga ialah Presiden dan Penyelaras Aktiviti serta Acara bagi Bridging Communities Through Alternative Communication (BCTAC), sebuah program outreach dewasa di bawah The Bridge School, serta berperanan sebagai mentor untuk Self- Determination Program sekolah tersebut.

Amaran Burung Gagak

Sekawan gagak berkumpul.
Bayang bersayap dalam kabus musim luruh.
Seruan mereka menghantui malam

Kuasa Bunga

Bunga riang menari.
Kelopak bergoyang ditiup angin yang lembut,
harumnya menyegarkan jiwaku.

Anak Patung

Anak patung antik menyeramkan.
Mata merenung dari kotak tertutup.
Aku mengumpul semuanya

by Chelsea Hagen

Tentang Penulis

Beliau ialah seorang penulis, pembela AAC, mentor, dan artisan. Chelsea menggunakan ‘two switch head control’ untuk berkomunikasi, menulis, dan menghasilkan karya seninya. Beliau menamakan hasil seninya sebagai “Noggin Art by Chelsea”. Chelsea gemar menggunakan “noggin”-nya (kepalanya) untuk mencipta cerita, puisi, dan kraftangan yang menakjubkan. Minat utamanya ialah menulis, dan beliau bercita-cita menjadikannya kerjaya sepenuh masa. Hasil tulisan Chelsea pernah diterbitkan dalam buku puisi, blog, dan majalah. Beliau juga telah menulis dua filem pendek — salah satu daripadanya ditayangkan di Persidangan ISAAC Toronto. Chelsea merupakan ahli lembaga pengarah ISAAC Canada, serta ahli utama laman sembang ISAAC International Chat. Setiap tahun, beliau menjadi mentor kepada pengguna AAC muda di Kem AAC Universiti Alberta. Chelsea kini sedang melanjutkan pengajian Ijazah Sarjana Muda Bahasa Inggeris di Athabasca University, dan dalam masa yang sama sedang berusaha menerbitkan buku kanak-kanak bergambar hasil tulisannya. Beliau juga berhasrat untuk terus berkongsi pengalaman hidupnya sebagai komunikator yang berdaya usaha dan sebagai advokat untuk semua pengguna AAC.



*Terima kasih kepada semua penulis
yang berkongsi puisi mereka dalam
buku ini dan di Vibes of AAC Acara
Maya 2024 Poetry Slam. Suara anda,
kreativiti anda dan semangat
komuniti anda memperkayakan kita
semua.*

*This text was translated from English to Malay by Hidayah (Member, ISAAC- Singapore)
and Qays (Student, communication partner to a person who uses AAC).